

CNS3104

U GB 12-03 00157 BB692

AAB

Mahathir - MSE

PELABUHAN KLANG, 12 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata kerajaan akan menswastakan semua pegangan ekuitinya dalam Limbungan Perkapalan dan Kejuruteraan Malaysia (MSE) kepada sebuah konsortium yang dianggotai oleh syarikat-syarikat perkhidmatan perkapalan.

Perdana Menteri berkata Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia (MISC) akan menjadi pemegang ekuiti terbesar dalam MSE yang akan disusun semula itu.

+Saya yakin kumpulan pengurusan yang baru itu akan berjaya memimpin limbungan perkapalan ini untuk terus meningkat dan membangun demi kepentingan negara,+ katanya semasa melancarkan pelayaran sulung kapal tangki minyak sawit +Bunga Siantan+ kepunyaan MISC di Pelabuhan Utara di sini.

Serentak dengan itu, Perdana Menteri turut melancarkan perkhidmatan pengangkutan kontena MISC Haulage Services Sdn Bhd.

Datuk Seri Dr Mahathir juga menyatakan harapan agar pengurusan baru MSE dapat memberi lebih perhatian terhadap usaha-usaha menyediakan dan meningkatkan perkhidmatan baik-pulih bagi industri perkapalan dan pembinaan kapal. -- Lagi

♥12/03/13-55MST

CNS3105

U GB 12-03 00124 BB693

AAB

Mahathir - MSE 2 Pelabuhan Klang

Semasa bercakap kepada pemberita kemudiannya, Perdana Menteri berkata peratusan ekuiti yang akan dipegang oleh MISC dan rakan kongsi yang lain dalam MSE akan diumumkan kemudian.

Pengerusi MISC, Raja Tan Sri Muhammad Alias Raja Muhammad Ali, berkata ekuiti MISC dalam MSE belum diputuskan, tetapi beliau difahamkan ia dalam lingkungan 40 hingga 42 peratus.

+Kita bercakap sesuatu antara 40 hingga 42 peratus,+ katanya kepada pemberita, tetapi enggan mengulas lanjut.

+Syarikat terpaksa menunggu kelulusan Kementerian Kewangan sebelum dapat mengumumkan sesuatu yang konkrit,+ katanya.

Raja Tan Sri Muhammad Alias berkata rundingan mengenai perkara itu, termasuk nilai pembelian, sedang diperincikan dan dijangka diselesaikan sebelum hujung tahun ini. -- Lagi

♥12/03/13-55MST

CNS3106

U GB 12-03 00093 BB694

AAB

Mahathir - MSE 3 Pelabuhan Klang

Dengan mempunyai kepentingan dalam MSE, MISC berada pada kedudukan yang lebih baik untuk mengembangkan MSE, khususnya cabang kejuruteraan syarikat itu, kata Raja Tan Sri Muhammad Alias.

Apabila ditanya mengenai kemungkinan MSE disusun semula, beliau berkata: +Saya percaya pengurusan yang ada sekarang adalah baik.+

+MISC menganggap penglibatan dalam MSE sebagai satu projek komersial dan berharap ia akan membolehkan kos membaiki kapal dikurangkan dengan MSE pada masa yang sama dapat membuat lebih banyak keuntungan,+ katanya. -- Bernama

♥12/03/13-56MST